

Pelajar baru NATC sesi Julai 2012 mula mendaftar

Seramai 280 pelajar baru mendaftar untuk mengikuti program tahap 1 dan 2 bagi mengikuti pelbagai bidang kemahiran pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Pengambilan pelajar baru bagi Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) ke Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) selesai dilaksanakan di Kolej Pertanian Malaysia Bukit Tinggi, Kedah (kampus utama) pada 1 hingga 5 Julai 2012 lalu.

Pelajar telah menjalani minggu orientasi di Kolej Pertanian dan dihantar ke Pusat Bertauliah mengikut bidang kemahiran pertanian yang diambil.

Antara aktiviti minggu orientasi ialah ceramah motivasi keusaha-

wanan tani, ceramah motivasi oleh Ikon pertanian, Rosyam Nor, Latihan Berkumpulan, latihan moral dan ceramah agama.

Antara tujuan program PLKPK adalah menggalakkan golongan belia dan generasi muda memabitkan diri dalam bidang pertanian sebagai pekerja mahir dan pengusaha pertanian bertaraf komersil dan berskala besar melalui penggunaan teknologi terkini yang bersesuaian bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti sektor pertanian negara.

Bidang kemahiran pertanian yang ditawarkan ialah Tanaman, Ternakan (Ruminan), Akuakultur, Teknologi Perikanan Tangkapan, Pemprosesan Makanan dan Pengedaran Makanan di lapan buah



Pelajar baru **Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK)**, MOA sesi Julai 2012.

pusat latihan di Kampus Induk Bukit Tinggi (Kedah), Kolej Pertanian Malaysia Jalan Langgar, Alor Star (Kedah), Sekolah Pemasaran FAMA Sungai Petani (Kedah), Pusat Penyelidikan Perikanan Pulau Sayak (Kedah), Institut Pertanian Kuala Lipis (Pahang), Institut Veterinar Kluang (Johor), Institut Perikanan Malaysia Chendering (Terengganu) dan Pusat Latihan Pemprosesan MARDI, Serdang (Selangor).

Manakala pengambilan calor baru bagi bidang Perikanan Tangkapan di Sekolah Perikanan Tangkapan Tanjung Manis, Sarikei, Sarawak telah di adakan pada 5 Julai 2012. Di samping itu jangkakan seramai 630 pelatih naik tahap akan mendaftar diri pada 9 Julai 2012 di sembilan Pusat Latihan Kemahiran Pertanian